

UNIT PESAKIT

Bawa ke katil pesakit dan kenalkan:

- Nombor katil pesakit
- Suis lampu dan suis kipas
- Cara penggunaan 'call bell'/ loceng/pemanas air
- Nasihat pesakit supaya menyusun alat keperluan dengan teratur dan elak dari menjemur toala/kain di katil dan buang sampah di tempat yang disediakan

BILIK - BILIK

Tunjukkan pesakit bilik tertentu:

- Bilik air/tandas
- Ketua Jururawat
- Bilik Pantri
- Surau (Bagi pesakit muslim)
- Pintu kecemasan

AKTIVITI – AKTIVITI

Beritahu pesakit aktiviti-aktiviti yang dijalankan di wad seperti:

- Waktu doktor merawat
- Waktu pemberi ubatan
- Pemberian air panas:
 - 9.00 pagi - 9.30 pagi
 - 3.00 petang - 3.30 petang
 - 9.00 malam - 9.30 malam

Pemberian makanan:

- Makan pagi (7.30 pagi -8.00pg)
- Makan tengahari(12.00 tgh –12.30 tgh)
- Makan malam(6.00 petang –6.30 petang)

WAKTU MELAWAT

Waktu melawat pada pukul :

- 12.30 tengahari - 2.00 petang
- 4.30 petang –7.30 petang

* Hanya satu pas menunggu diberikan kepada waris pesakit bagi menunggu pesakit yang tenat sahaja.

* Kanak-kanak hendaklah di bawah pengawasan ibubapa/penjaga semasa waktu melawat.

* Ahli keluarga digalakkan berada disisi pesakit untuk memberi

BARANG - BARANG KEPERLUAN

Antara Barang-barang keperluan peribadi yang perlu dibawa adalah seperti berikut :

- Kad rawatan susulan.
- Ubat-ubatan sedang dimakan.
- Surat jaminan majikan.
- Berus dan ubat gigi.
- Sabun,bedak dan sikat.
- Selipar dan toala.
- Bekas air panas.
- Bekas air masak.

APA YANG ANDA PERLU PATUHI?

- Anda dinasihatkan supaya sentiasa memakai tanda nama (Wrist band) dipergelangan tangan sehingga dibenarkan keluar.
- Anda tidak digalakkan membawa barang-barang berharga ke wad atau memakai barang-barang kemas.
- Anda perlu mendapat kebenaran jururawat bertugas di wad jika anda hendak keluar kemana-mana.
- Anda perlu memakai pakaian hospital sepanjang masa dimasukkan di wad.
- Pesakit dan waris dikehendaki bertimbangrasa dan menghormati hak-hak pesakit lain.
- Pesakit dan waris perlu memberi maklumat yang lengkap mengenai :
 - * Maklumat peribadi, keluarga dan tempat tinggal;
 - * Maklumat perubatan dan sejarah kesihatan;
 - * Memaklumkan kepada pihak hospital sekiranya pesakit adalah penderma organ.
- Pesakit dan waris perlu mematuhi arahan pentadbiran hospital seperti:
 - * Mematuhi pelan rawatan yang telah dicadangkan;
 - * Menjelaskan bil-bil rawatan hospital;
 - * Menepati tarikh temu janji yang telah ditetapkan.

LARANGAN

Pesakit tidak di benarkan:

- Merokok di dalam kawasan hospital
- Membuang sampah di merata-rata tempat
- Merosakkan harta benda kerajaan
- Mengambil gambar tanpa kelulusan pihak pengurusan hospital.
- Penggunaan atau *charge* telefon bimbit di dalam wad
- Membawa TV sendiri ke wad
- Membawa barang-barang berharga
- Hanya dibenarkan waris perempuan menjaga pesakit perempuan saja di Wad Perempuan dan Wad Kanak-Kanak

AKIBAT GAGAL MEMATUHI ARAHAN

- Pesakit bertanggungjawab terhadap kesan/akibat menolak cadangan rawatan.
- Dikenakan tindakan undang-undang sekiranya mencuri harta benda hospital'
- Dikenakan denda sekiranya terbukti merokok di dalam kawasan hospital.

JAMINAN HAK PESAKIT DAN KELUARGA

Pesakit dan keluarga **BERHAK** untuk :

1. Menerima rawatan dan penjagaan yang professional dan berkualiti;

2. Mendapat perlindungan dan jaminan keselamatan;

3. Memperolehi maklumat perkhidmatan dan rawatan;

4. Mengambil bahagian untuk membuat keputusan dalam menerima rawatan;

5. Dipertimbangkan menerima rawatan berdasarkan keupayaan kewangannya;

6. Mendapat penghormatan dari segi hak-hak asasi pesakit;

7. Mendapat maklumbalas daripada pihak hospital terhadap cadangan/maklumbalas yang diberikan.

BAYARAN PENDAHULUAN DEPOSIT & CAJ RAWATAN

Bayaran pendahuluan (Deposit) dan caj berbeza dari seorang ke seorang bergantung kepada jenis kes dan kelas wad.

A) CAGARAN MASUK WAD

WARGA TEMPATAN			
	PERUBATAN	PEMBEDAHAN	BERSALIN & SAKIT PUAN
KELAS 3	RM 20.00	RM 30.00	RM 15.00

WARGA ASING			
	PERUBATAN	PEMBEDAHAN	BERSALIN & SAKIT PUAN
KELAS 3	RM 600.00	RM 1,200.00	RM 1,200.00

B) CAJ RAWATAN PESAKIT DALAM

	WARGA TEMPATAN	WARGA ASING
KELAS 3	PERCUMA	RM 100.00

C) BAYARAN BAGI ANGGOTA DAN PESARA KERAJAAN

	WARGA TEMPATAN
KELAS 3	PERCUMA

D) BAYARAN AMBULANS DAN KENDERAAN JENAZAH

	AMBULANS	KENDERAAN JENAZAH
WARGA TEMPATAN	RM 0.35 / KM	RM 10 < 30KM RM 0.35 / KM > 30KM - 800KM RM 300 > 800KM
WARGA ASING	RM 1.40 / KM	RM 40 < 30KM RM 1.40 / KM > 30KM - 800KM RM 1200 > 800KM

BAYARAN DAN DISCAJ

Proses Bil Hospital:

- Pesakit akan diberitahu kurang dari 24jam sebelum discaj dari wad
- Waktu discaj 12 tengahari
- Bayaran bil hospital boleh dibuat di Kaunter Pejabat Hasil (8.00pg - 5.00ptg /Waktu Pejabat)
- Kaunter Unit Kecemasan (5.00ptg - 8.00pg/ Selepas Waktu Pejabat)

Pembayaran boleh dibuat dengan cara:-

- Wang Tunai
- Wang Pos / Kiriman Wang / Bank Draft

WARGA TEMPATAN

Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan 2003)

WARGA ASING

Perintah Fi (Perubatan) (Kos perkhidmatan pesakit warga asing) (Caj Baru 2015)


UPACARA KEAGAMAAN

Pegawai yang boleh dihubungi:

- Islam : En Abdullah Bin Mat 05 - 716 0148
(Pengurusan Jenazah)
En Noor Azwan Bin Yusuf 012 - 457 6892
- Buddhist: En Ong Cheng Beng 012 - 518 6476
- Hindu : En R.Balu A/L Raman 013 - 528 3923



**HOSPITAL MESRA IBADAH
HOSPITAL RAKAN BAYI**



MAKLUMAT AM

UNTUK PESAKIT DALAM
HOSPITAL PARIT BUNTAR

ALAMAT UNTUK DIHUBUNGI :

HOSPITAL PARIT BUNTAR
Jalan Sempadan
34200 Parit Buntar
PERAK DARUL RIDZUAN
TEL: 05 -716 3333, 05 - 716 1002
Faks : 05 - 716 9675
Website : <http://hptar.moh.gov.my>